

## Mesej Tiga

### **Menanggulangi Hati Kita untuk Pertumbuhan Benih Hayat Divin dalam Kita Sehingga Kita Mencapai Kematangan dalam Hayat demi Pembinaan Tuhan dalam Hayat**

Bacaan Bible: Mat. 5:8; 13:3-9, 18-23; Ams. 4:23; Yer. 32:39; Ef. 3:16-17

- I. Kita harus menanggulangi hati kita dalam cahaya hadirat Tuan untuk pertumbuhan benih hayat divin dalam kita sehingga kita mencapai kematangan dalam hayat; hati merupakan komposit bagi bahagian-bahagian dalaman manusia, wakil utama bagi manusia, iaitu ejen tindakannya:**
  - A. Hati kita merupakan komposisi semua bahagian sukma kita—minda, emosi, dan tekad (Mat. 9:4; Ibr. 4:12; Kis. 11:23; Yoh. 14:1; 16:22)—ditambah dengan satu bahagian daripada roh kita, iaitu zimah (Ibr. 10:22; 1 Yoh. 3:20).
  - B. Latihan roh berkesan hanya apabila hati kita adalah aktif; jika hati seseorang bersikap acuh tak acuh, roh akan terkurung di dalam dan tidak dapat memperlihatkan kebolehannya—Mat. 5:3, 8; Mzm. 78:8.
  - C. Sukma ialah persona itu sendiri, manakala hati ialah persona yang bertindak; hati ialah ejen tindakan, pelaksana yang bertindak, bagi seluruh diri kita.
  - D. Aktiviti dan pergerakan tubuh jasmani kita bergantung pada jantung fizikal kita; begitu juga, kehidupan harian kita, cara kita bertindak dan berkelakuan, bergantung pada jenis hati psikologi kita.
  - E. Hati ialah pintu masuk dan pintu keluar bagi hayat, “suis” hayat; jika hati tidak betul, hayat dalam roh akan terhalang, dan hukum hayat tidak dapat beroperasi secara bebas dan tanpa halangan untuk mencapai setiap bahagian diri kita; meskipun hayat mempunyai kudrat yang besar, namun kudrat yang besar ini dikuasai oleh hati kita yang kecil—Ams. 4:23; Mat. 12:33-37; bd. Yeh. 36:26-27.
- II. Pertumbuhan kita dalam hayat akan membina gereja sebagai Tubuh Kristus; ini berlaku melalui pertumbuhan Kristus sebagai benih hayat dalam hati kita (1 Yoh. 3:9; 1 Ptr. 1:23; Kol. 2:19; Ef. 2:21; 4:15-16; Mat. 13:18-23); kita perlu bekerjasama dengan Tuan dengan menanggulangi hati kita supaya hati kita terpelihara dengan mempunyai ciri-ciri berikut:**
  - A. Tuhan mahu hati kita menjadi lembut:
    1. Apabila Tuhan menanggulangi hati kita, Dia menyingkirkan hati batu daripada tubuh daging kita dan memberi kita hati daging, hati yang lembut—Yeh. 36:26.
    2. Hati lembut bermaksud hati kita adalah patuh dan tunduk kepada Tuan, bukan tegar dan memberontak—bd. Kel. 32:9.
    3. Hati yang lembut ialah tanah baik yang dalamnya Kristus dapat bertumbuh dengan bebas; hati ini tidak menjadi keras disebabkan lalu lintas duniawi, tidak mencari kepentingan sendiri, tidak mempunyai kekhawatiran zaman ini dan tipu daya kekayaan—Mat. 13:3-9, 18-23.
    4. Tuhan melembutkan hati kita dengan menggunakan kasih-Nya untuk mengharukan kita; jika kasih tidak dapat mengharukan kita, maka Dia menggunakan tangan-Nya menerusi sekitaran untuk mendisiplinkan kita hingga hati kita dilembutkan—2 Kor. 5:14; 4:16-18; Ibr. 12:6-7; bd. Yer. 48:11.
  - B. Tuhan mahu hati kita murni:
    1. Hati yang murni ialah hati yang mengasihi Tuhan dan menghendaki Tuhan; hati itu tidak ada kasih, kecenderungan, atau hasrat yang lain selain Tuhan—Mat. 5:8; Mzm. 73:25; bd. Yer. 32:39.
    2. Hati kita haruslah tulus terhadap Tuhan supaya kita tidak takut akan apa-apa melainkan bersalah terhadap-Nya dan kehilangan hadirat-Nya—Mzm. 86:11; Yes. 11:1-2.

3. Berhati murni bererti mempunyai satu matlamat untuk menyempurnakan kehendak Tuhan demi kemuliaan-Nya; matlamat kita seharusnya menikmati dan beroleh Kristus dengan sepenuhnya—Flp. 3:7-14.
  4. Kita harus mengejar Kristus “bersama dengan mereka yang menyeru Tuan daripada hati yang murni”—2 Tim. 2:22; 1 Tim. 1:5; Mzm. 73:1.
- C. Tuhan mahu hati kita mengasih:
1. Hati yang mengasih ialah hati yang emosinya mengasihi Tuhan, mengingini Tuhan, mendahagakan Tuhan, dan mendambakan Tuhan, mempunyai hubungan yang peribadi, mesra, persendirian, dan rohani dengan Tuan—42:1-2; Kid. 1:1-4.
  2. Kita harus memalingkan hati kita kembali kepada Tuan berulang kali dan membiarkan hati kita diperbarui secara berterusan agar kita mempunyai kasih yang baru dan segar terhadap Tuan—2 Kor. 3:16.
  3. Semua pengalaman rohani bermula dengan kasih dalam hati; jika kita tidak mengasihi Tuan, kita tidak mungkin menerima apa-apa pengalaman rohani—Ef. 6:24; Wahi 2:4-5.
  4. Kasih kita terhadap Tuan melayakkan, menyempurnakan, dan melengkapi kita untuk berbicara untuk Tuan dengan autoriti-Nya; jika kita mengasihi Tuan sampai kemuncak, kita akan dipenuhi-Nya dan melimpahkan-Nya—Yoh. 21:15-17; Mat. 26:6-13; 28:18-20.
- D. Tuhan mahu hati kita damai:
1. Hati yang damai bermaksud hati yang zimahnya tanpa kesalahan, tidak ada pengutukan atau teguran—Kis. 24:16; 1 Yoh. 3:19-21; Ibr. 10:22.
  2. Jika kita mengaku dosa-dosa kita dalam cahaya hadirat Tuhan, kita akan menerima pengampunan-Nya dan pembasuhan-Nya agar kita dapat menikmati persekutuan yang tidak terganggu bersama dengan Tuhan dengan zimah yang baik dan murni—1 Yoh. 1:7, 9; 1 Tim. 1:5; 3:9.
  3. Hasil daripada amalan persekutuan kita dengan Tuhan dalam doa ialah kita menikmati damai sejahtera Tuhan, yang sebenarnya ialah Tuhan sebagai damai sejahtera mengawasi hati serta fikiran kita dalam Kristus supaya kita sentiasa tenang dan tenteram—Flp. 4:6-7.
  4. Kita perlu membiarkan damai sejahtera Kristus menimbang tara dalam hati kita dengan mengampuni satu sama lain untuk memakai satu manusia baru—Kol. 3:13-15.

### **III. Kita perlu melihat halangan yang dihadapi hayat Tuhan dalam hati kita:**

- A. Masalah pertama yang dihadapi hayat Tuhan dalam kita ialah kita tidak sedar bahawa konsep insani kita adalah gelap—2 Kor. 3:14; 4:4:
1. Kita perlu melihat bahawa satu-satunya perkara yang perlu kita ambil berat dalam kehidupan orang Kristian ialah bagaimana kita memberikan perhatian kepada Kristus yang hidup dalam kita—Gal. 1:16; 2:20; 4:19; Flp. 1:19-21; 2 Kor. 3:18.
  2. Menjadi orang Kristian bermaksud tidak mengambil apa-apa yang lain selain Kristus sebagai sasaran kita; banyak orang menghadapi masalah dalam hayat rohani mereka setelah diselamatkan kerana mereka tidak mengenali jalan hayat, dan mereka tidak mengambil Kristus sebagai hayat mereka—Roma 8:6.
- B. Masalah kedua yang dihadapi hayat dalam kita ialah kemunafikan—Mat. 6:2, 5; 7:5; 23:13-29:
1. Kerohanian seseorang bukan ditentukan oleh penampilan luarannya tetapi ditentukan oleh bagaimana dia memberikan perhatian kepada Kristus yang huni secara dalaman.
  2. Kebaikan alamiah kita ialah kerohanian palsu, dan ini sebenarnya satu halangan yang besar kepada hayat; ekspresi hayat bererti menolak disposisi alamiah serta kegemaran kita, dan hanya membenarkan Kristus beroperasi dalam kita serta menghancurkan kita.

3. Jika kita selalu melakukan kerja menurut disposisi dan diri alamiah kita, yang terhasil sentiasa merupakan kemunafikan.
- C. Masalah ketiga yang dihadapi hayat dalam kita ialah pemberontakan—2 Kor. 10:4-5:
1. Kristus beroperasi dan bergerak dalam kita agar kita jelas tentang kehendak serta tuntutan-Nya terhadap kita, dan tentang pimpinan serta penanggulangan-Nya terhadap kita.
  2. Akan tetapi, jika kita tidak patuh sebaliknya menentang perasaan di dalam, tidak menerima pimpinan-Nya atau enggan membayar harga, maka keingkaran dan penentangan ini ialah pemberontakan.
  3. Dosa yang paling kerap dan paling serius kita lakukan bukanlah dosa luaran yang dapat dilihat, tetapi dosa ingkar kepada perasaan dalaman yang diberikan Kristus; Kristus hidup dalam kita, dan Dia sentiasa memberi kita perasaan hayat dalaman—Roma 8:6; 1 Yoh. 2:27; bd. Ef. 3:1; 4:1; 6:20; 2 Kor. 2:12-14.
- D. Masalah keempat yang dihadapi hayat dalam kita ialah keupayaan alamiah kita:
1. Banyak dikbang dan dikkak benar-benar mengasihi Tuan, bersungguh hati terhadap Tuan, dan amat salih; namun masalah mereka yang terbesar ialah keupayaan dan kebolehan mereka terlalu kuat dan besar; akibatnya, Kristus tidak ada kedudukan atau jalan dalam mereka.
  2. Kita mungkin berkeupayaan dan berbakat, tetapi kita tidak menganggap perkara-perkara ini sebagai dosa atau kecemaran; kita tidak memandang rendah akan keupayaan alamiah kita, sebaliknya kita menghargainya; jika keupayaan alamiah ini kekal tidak dihancurkan dalam kita, keupayaan ini akan menjadi masalah kepada hayat Kristus.
- E. Jika kita ingin hayat Kristus tidak terhalang dalam kita, kita perlu mengalami penghancuran salib dan membiarkan semua halangan ini ditanggulangi dan disingkirkan—Mat. 16:24-25.

#### **IV. Kita perlu melihat halangan subjektif yang dihadapi hayat Tuhan dalam hati kita:**

- A. Masalah subjektif yang pertama ialah masalah minda kita:
1. Jika hal-hal yang ingin kita lakukan itu berasal daripada fikiran kita, biarpun hal-hal itu berjaya, semuanya hanyalah aktiviti agama; hal-hal itu bukan ke-saksian tentang Kristus yang dihidup keluar daripada roh kita—bd. Flp. 2:5; 1 Kor. 2:16; Ef. 4:23; Roma 12:2.
  2. Walaupun kita mempunyai hayat Kristus di dalam, namun kita tidak bekerjasama dengan hayat Kristus dalam fikiran dan tindakan kita; oleh itu, hayat ini tidak dapat dihidup keluar daripada kita.
  3. Apabila minda kita diletakkan pada roh, tindakan luaran kita adalah selaras dengan manusia dalaman kita, dan tidak ada percanggahan antara kita dengan Tuhan; Dia dengan kita berdamai, bukan bermusuhan; hasilnya kita merasakan damai sejahtera di dalam—8:6.
- B. Masalah subjektif yang kedua ialah masalah tekad kita:
1. Sering kali walaupun minda kita memahami keinginan dalam roh kita, dan juga mengetahui kehendak Tuhan, namun kita enggan tunduk dan patuh.
  2. Kita mungkin mengerti, mengetahui, menanggapi-faham, dan mempunyai perasaan yang dalam bahawa Tuan mahu kita melakukan sesuatu perkara, namun tekad kita enggan menunduk dan menyerah, dengan itu, kita kehilangan hadirat Tuan.
  3. Dalam hal melaksanakan kehendak Tuan, tidak kira tekad itu kuat ataupun lemah, kedua-duanya akan menjadi halangan kepada hayat Tuhan; tekad yang telah ditanggulangi ialah tekad yang kuat dan juga mudah lentur, yang telah ditundukkan dan dibangkitkan oleh Tuan; betapa pentingnya kita mempunyai tekad yang dapat bekerjasama dengan Tuhan—Flp. 2:13.

- C. Masalah subjektif yang ketiga ialah masalah emosi kita:
1. Emosi kita perlu mempunyai emosi Tuhan, dan kita perlu masuk ke dalam emosi Tuhan dengan sepenuhnya—2 Tes. 3:5; Flp. 1:8.
  2. Kita harus mengasihi segala yang dikasihi Tuhan, menyukai segala yang disukai Tuhan, dan membenci segala yang dibenci Tuhan; emosi kita dan emosi-Nya harus menjadi satu emosi—Ef. 5:25; 2 Kor. 12:15; 1 Kor. 16:24; Wahi 2:6; Flp. 1:8.
- D. Kita perlu diperkuat ke dalam manusia dalaman setiap hari agar Kristus sebagai hayat dapat berumah dalam bahagian-bahagian utama hati kita—minda, tekad, dan emosi kita—Ef. 3:16-17.
- V. **Semoga Tuan merahmati kita dan membuka mata kita untuk melihat bahawa kerja Tuhan yang utama pada zaman ini adalah supaya manusia beroleh hayat-Nya serta bertumbuh dan matang dalam hayat-Nya; kerja kita seharusnya menyalurkan dan membekalkan hayat Tuan kepada orang; hanya kerja yang berasal daripada hayat-Nya yang dapat mencapai standard abadi-Nya dan diperkenan-Nya—Yoh. 7:37-39a; 2 Kor. 4:10-12; 1 Yoh. 5:16a; 2 Kor. 3:3, 6.**